

28 FEB 2000

Parlimen-Bahas

MALAYSIA BOLEH TERAJUI EKONOMI ASEAN

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini berkata Malaysia perlu merebut peluang menerusi proses globalisasi untuk menerajui ekonomi negara-negara Asean.

Husni Hanadzlah (BN-Tambun) berkata dalam proses globalisasi, ada peluang yang Malaysia boleh perolehi dengan kedudukan dan kebolehan yang ada padanya.

Malaysia perlu merebut peluang menerusi proses globalisasi dengan banyak membuat pelaburan di Indonesia bagi membantu memulihkan ekonomi negara jiran itu, katanya ketika membahaskan Belanjawan 2000 di Dewan Rakyat.

Belanjawan 2000 dibentangkan semula oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin Jumaat lepas.

Husni berkata Malaysia yang telah membuktikan keupayaan memulihkan ekonomi dengan caranya sendiri, boleh melaksanakan langkah untuk menguatkan kembali ekonomi Indonesia.

Katanya Indonesia tidak sesuai untuk menerima bantuan dan pemulihan daripada Amerika Syarikat dan Eropah disebabkan keadaan sosial dan budaya yang berbeza.

"Peluang di Indonesia boleh diperolehi dan kita boleh mendapat keuntungan daripada peluang itu kerana Indonesia mempunyai budaya yang sama dengan kita," katanya yang berharap lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu bulan depan akan membuka usaha berkenaan.

Husni juga berharap kerajaan akan meningkatkan pinjaman bagi pelaburan di luar negara.

Usaha berkenaan merupakan perancangan jangka panjang kerajaan meneruskan pertumbuhan ekonomi, katanya.

Husni, seorang ahli ekonomi, turut menyentuh panjang lebar mengenai sektor perbankan di negara ini dan mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan hanya satu lesen bagi perkhidmatan tiga jenis bank di negara ini.

"Satu lesen sahaja bagi bank komersil, bank perdagangan dan syarikat kewangan dijangka dapat memberi kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan sektor perbankan," katanya.

Husni turut mencadangkan bank-bank gabungan diawasi untuk memastikan mereka tidak terlalu ghairah bersaing dengan bank-bank antarabangsa.

"Bank-bank tempatan disebabkan ingin bersaing mungkin akan memberi fokus utama kepada sektor korporat seperti yang dibuat oleh bank-bank antarabangsa dan tindakan itu akan mengakibatkan sektor lain yang kurang penting, ditinggalkan," katanya.

Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor pula menyokong langkah baik kerajaan yang menaikkan peruntukan biasiswa dan pinjaman kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS).

Bagaimanapun, katanya, kerajaan perlu memastikan sektor pendidikan tidak akan dianggap sebagai satu industri yang boleh diperniagakan.

"Menaikkan kadar pinjaman tidak akan bantu pelajar dalam jangka panjang kerana awal-awal lagi mereka telah disibukkan dengan hidup berhutang," katanya.

Fadzil dalam ucapannya turut mempertikaikan cadangan Menteri Kewangan untuk membenarkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengeluarkan wang caruman mereka sebelum mencapai umur 55 tahun bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak dan pembelian komputer.

"Saya fikir ia tidak menepati falsafah dan tujuan asas pencaruman itu

dibuat," katanya.